

BH 19/4/08 M/S 9

Kaedah lebih radikal kuasai BI

Kementerian mahu kaji keberkesanan Kesusasteraan Inggeris di sekolah rendah

Oleh Abdul Razak Raaff

PUTRAJAYA: Kementerian Pelajaran sedang menimbang pendekatan lebih radikal, termasuk memperkenalkan mata pelajaran Kesusasteraan Inggeris di sekolah rendah dan menjadikan ia bahasa pengantar dalam latihan perguruan untuk meningkatkan penguasaan pelajar dalam bahasa itu.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata rombakan kurikulum perlu supaya pelajar tidak menghadapi kekangan meningkatkan kemahiran bertutur, berkomunikasi dan menimba ilmu dalam bahasa Inggeris.

Katanya, penekanan terhadap penguasaan bahasa Inggeris tidak akan dikompromi kerana kajian menda-

pati lebih 75 peratus pesanan teleks dan telegram, 80 peratus data yang disimpan dalam komputer serta lebih separuh akhbar di dunia dalam bahasa Inggeris.


"Pendekatan radikal itu sedang dikaji...kita perlu mendapatkan pandangan pakar. Namun secara peribadi saya mahu melihat pengenalan Kesusasteraan Inggeris pada peringkat sekolah rendah supaya mereka mahir banyak bahasa," katanya pada sidang media di pejabatnya semalam.

Hadir sama dua timbalannya, Datuk Dr Wee Ka Siong dan Datuk Razali Ismail; Ketua Setiausaha kementerian, Tan Sri Dr Zulkurnain Awang; dan Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Alimuddin Mohd Dom.

Mengenai status pengajaran dan

“Kajian dapati lebih 75 peratus pesanan teleks dan telegram, 80 peratus data yang disimpan dalam komputer serta lebih separuh akhbar di dunia dalam bahasa Inggeris”

Hishammuddin Hussein
Menteri Pelajaran



pembelajaran subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI), Hishammuddin berkata, keputusan muktamad akan dibuat berdasarkan pencapaian keputusan mata pelajaran itu dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun ini.

Katanya, UPSR kali ini yang juga tahun keenam dasar PPSMI diperkenalkan adalah asas terbaik mengukur tahap penguasaan bahasa Inggeris pelajar.

"Kita perlu tunggu keputusan UPSR tahun ini supaya dapat tengok berdasarkan kepada fakta yang jelas, bukan andaian, emosi dan pertimbangan lain. Dasar pendidikan tidak boleh ditukar sewenang-wenangnya kerana kesannya akan dilihat pada masa depan," katanya.